

<b>Headline</b>	FRIM gesa kawasan hijau sedia ada di bandar dipulihara		
<b>MediaTitle</b>	Utusan Borneo Sarawak		
<b>Date</b>	26 Jun 2014	<b>Color</b>	Full Color
<b>Section</b>	Supplement	<b>Circulation</b>	45,554
<b>Page No</b>	A2	<b>Readership</b>	136,662
<b>Language</b>	Malay	<b>ArticleSize</b>	146 cm <sup>2</sup>
<b>Journalist</b>	N/A	<b>AdValue</b>	RM 1,141
<b>Frequency</b>	Daily (EM)	<b>PR Value</b>	RM 3,424



## FRIM gesa kawasan hijau sedia ada di bandar dipulihara

**INSTITUT Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)** menggesa agar semua kawasan hijau sedia ada di bandar-bandar di seluruh negara dipulihara seiring dengan hasrat menjadikan Malaysia negara dalam taman menjelang 2020.

Pengarah Bahagian Perhutanan dan Alam Sekitar FRIM Dr Ismail Harun berkata pelbagai langkah perlu diambil bagi mempertingkat kawasan hijau di bandar demi perlindungan alam sekitar serta penduduk.

Katanya kawasan hijau di bandar berupaya mengurangkan pencemaran bunyi dan udara serta menyediakan habitat untuk hidupan liar selain memenuhi keperluan sosiologi, psikologi dan kerohanian masyarakat.

“Isu kawasan hutan di bandar ini sangat penting memandangkan proses pembandaran sangat pesat di Malaysia, seperti juga di kawasan lain,” katanya dalam ucapan alu-aluan pada Persidangan Persekutuan Pentadbiran Taman dan Rekreasi Antarabangsa

(IFPRA) dan Kawasan Hijau Bandar Malaysia, di George Town kelmarin.

Beliau berkata Malaysia harus melindungi dan memulihara semua kawasan hijau di bandar dan menguruskannya secara lestari.

“Jika ada peluang, kita wajar mempertingkatkan atau mewujudkan lebih banyak kawasan hijau di bandar raya kita sebagai taman yang diurus dengan baik, sekali gus menjadi tarikan kepada pelancong asing,” katanya.

Beliau berkata FRIM menawarkan pelbagai perkhidmatan berkaitan pengurusan hutan dan kawasan hijau selain pembangunan kawasan rekreasi dan program pendidikan alam sekitar.

Persidangan tiga hari itu diadakan buat pertama kali di Malaysia bertujuan membincangkan cabaran serta berkongsi amalan terbaik dan kaedah bagi mewujudkan keseimbangan dalam pembangunan yang sihat demi keperluan manusia serta alam semula jadi di kawasan bandar. — Bernama